

Rujukan Kami : IPN/1/02/02/010 Jld 3 (13)

Tarikh : 17 Julai 2012

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

ANUGERAH PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF (APIK) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menganjurkan Anugerah Pekerja Inovatif Dan Kreatif JANM Tahun 2012 yang akan diadakan pada bulan Oktober 2012. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga JANM yang telah menyumbang kepada pembangunan organisasi dalam pelbagai konteks melalui inovasi dan idea kreatif.

3. Sehubungan dengan itu, semua pengarah bahagian/JANM negeri/JANM cawangan adalah dipohon untuk mencalonkan kakitangan di bawah seliaan masing-masing bagi merebut anugerah tersebut berdasarkan kategori pertandingan seperti berikut:

Kategori 1: Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga Gred 54)

Kategori 2: Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 hingga 40)

Kategori 3: Kumpulan Sokongan 2 (Gred 16 ke bawah).

4. Hanya seorang sahaja yang perlu dicalonkan bagi setiap kategori. Ketua di peringkat Bahagian/JANM negeri/JANM Cawangan hanya perlu mencalonkan kakitangan yang terbaik, yang dirasakan mampu memberi saingan kepada calon-calon lain bagi kategori berkaitan. Sila rujuk garis panduan pencalonan yang dilampirkan bagi maklumat terperinci syarat kelayakan pencalonan, tanggungjawab ketua di peringkat bahagian/JANM negeri/JANM Cawangan untuk menubuhkan jawatankuasa pemilihan calon, kriteria pemilihan calon, penilaian calon oleh panel penilai dan hadiah yang disediakan kepada para pemenang.

5. Borang pencalonan yang lengkap diisi (Lampiran A), sumbangan inovasi/kreativiti calon (Lampiran B) dan senarai semak (Lampiran C) hendaklah dihantar melalui pos ke bahagian ini sebelum atau pada 15 Ogos 2012 menggunakan alamat berikut:

Pengarah
Institut Perakaunan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Jalan 2, Sungai Lang
45100 Sabak Bernam
Selangor
(u.p Hezeri bin Abdul Rani)



6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh menghubungi mana-mana pegawai seperti berikut :

- | | |
|----------------------------|-----------------------------|
| 1) Dr. Shahril Bin Baharim | : 03-32172104 (019-3415811) |
| 2) Hezeri Bin Abd Rani | : 03-32172100 (012-2727126) |
| 3) Khairani Bin Aidin | : 03-32172142 (013-2099807) |

4. Segala kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

"Inovasi Peneraju Kecemerlangan"



(DR. SHAHRIL BIN IBRAHIM)

b.p Pengerusi

Anugerah Pekerja Inovasi Dan Kreatif JANM 2012

Salinan kepada :

1. Y. Bhg. Datuk Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
2. Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
3. Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
4. Pengarah
Institut Perakaunan Negara
Jalan 2, Sg. Lang
45100 Sabak Bernam

SENARAI EDARAN – (BAHAGIAN JANM)


1. Pengarah
Pejabat Projek Perakaunan Akruan (PPPA)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
3. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
4. Pengarah
Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
5. Pengarah
Bahagian Pengurusan Amanah Dan Sekuriti (BPAS)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Tingkat 42, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
7. Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

SENARAI EDARAN – (NEGERI/CAWANGAN JANM)

8. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis
Tkt 3, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis
9. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah
Tkt 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar, Kedah
10. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang
Tkt 42, KOMTAR
10000 Pulau Pinang
11. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak
Tkt 5-8, Wisma Maju UMNO
Jln. Sultan Idris Shah
30990 Ipoh, Perak
12. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor
Bangunan Affin Bank, Lot Presint 3.4
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
Beg Berkunci 5002
40990 Shah Alam, Selangor
13. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Wilayah Persekutuan Putrajaya
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
14. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan
Tkt 10, Wisma Persekutuan
Jln. Dato' Abdul Kadir
70990 Seremban, Negeri Sembilan
15. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka
Aras 5, Menara Persekutuan
Jln. Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

16. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor
Tkt 5-6, Kompleks Tun Abd. Razak
Jln. Wong Ah Fook
80990 Johor Bahru, Johor
17. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang
Tkt 1, Bangunan Persekutuan
Jln. Gambut
25594 Kuantan, Pahang
18. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Terengganu
Tkt 11, Wisma Persekutuan
Jln. Sultan Ismail
20594 Kuala Terengganu, Terengganu
19. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kelantan
Tkt 1-2, Bangunan Persekutuan
Jln. Doktor
15590 Kota Bharu, Kelantan
20. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak
Tkt 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Hj. Buang
Jln. Simpang Tiga
93594 Kuching, Sarawak
21. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sabah
Tkt 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jln. Istiadat, Teluk Likas
Beg Berkunci 2053
88594 Kota Kinabalu, Sabah
22. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Sri Aman
Tkt 2 & 3, Blok 3
Wisma Persekutuan, Fasa 2
Jln. Kejatau
95000 Sri Aman, Sarawak
23. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Sibul
Tkt 1, Wisma Persekutuan
Blok 1, Jln Awang Ramli Amit
96000 Sibul, Sarawak

24. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Miri
Tkt 4, Yu Lan Plaza
Jln. Brooke
98000 Miri, Sarawak
25. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Limbang
Tkt 1 & 2, Lot 2002 LTD
Jln. Tarap
98700 Limbang, Sarawak
26. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Sarikei
No.2 & 3, Lorong Jubli
Mutiara 2, Jln. Bersatu
96100 Sarikei, Sarawak
27. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Kapit
Tkt Bawah & 1, Wisma Persekutuan
Jln. Kapit By Pass
96800 Kapit, Sarawak
28. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Bintulu
No.1, Tkt 2, Wisma Bintulu
Jln. Tg. Kidurong
97000 Bintulu, Sarawak
29. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. WP Labuan
Tkt 5, Blok 4
Ujana Kewangan, Peti Surat 80622
87016 WP Labuan, Sabah
30. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Keningau
Tkt 2, Rumah Persekutuan
Jln. Keningau/Apin-Apin, Beg Berkunci No.5
89009 Keningau, Sabah
31. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Sandakan
Tkt 2, Wisma Persekutuan, Beg Berkunci 6
90509 Sandakan, Sabah
32. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Caw. Tawau
Tkt 4, Wisma Persekutuan
Jln. Dunlop, Bandar Sabindo
91000 Tawau, Sabah



**PANDUAN PENCALONAN
ANUGERAH PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF TAHUN 2012**

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu Ketua-ketua di peringkat Bahagian / Negeri / Cawangan JANM melakukan proses pencalonan bagi Anugerah Pekerja Inovatif dan Kreatif tahun 2012. Garis panduan ini akan menjelaskan definisi inovasi dan kreativiti yang digunakan; objektif anugerah; syarat kelayakan pencalonan; penubuhan Jawatankuasa Pencalonan di peringkat Bahagian / Negeri / Cawangan JANM; kriteria penilaian calon; hadiah pemenang; tatacara permohonan dan borang-borang digunakan dalam proses pencalonan.

2. ANUGERAH PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF

2.1 PENGENALAN

Anugerah Pekerja Inovatif dan Kreatif JANM telah dilaksanakan pada tahun 2010 untuk memberi pengiktirafan kepada warga JANM yang telah menyumbang kepada pembangunan organisasi dalam pelbagai konteks melalui inovasi dan idea kreatif.

2.2 DEFINISI PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF

Bagi maksud penganugerahan, garis panduan ini menggunakan definisi inovasi dan kreativiti seperti berikut :

Inovasi¹ – pengwujudan atau pembaharuan yang efektif yang dilakukan ke atas produk, proses, perkhidmatan, atau idea sedia ada.

¹ Sumber Wikipedia.




Kreativiti² – penciptaan ataupun penghasilan idea (dalam bentuk produk, perkhidmatan, penyelesaian masalah atau lain-lain) yang mempunyai nilai.

Berdasarkan kedua-dua definisi ini, maka maksud pekerja kreatif dan inovatif yang digunakan dalam penganugerahan adalah pekerja yang telah atau mempunyai keupayaan menggunakan idea di peringkat individu untuk menghasilkan sesuatu inovasi dalam pelbagai konteks (pengurusan sumber, amalan perakaunan, teknologi maklumat dan komunikasi serta lain-lain), yang boleh memberi impak kepada peningkatan prestasi individu dan organisasi keseluruhannya.

2.3 OBJEKTIF ANUGERAH

- i. Memberi pengiktirafan secara formal kepada warga JANM yang telah menunjukkan hasil inovasi dan kreativiti yang efektif;
- ii. Melahirkan pekerja yang mempunyai idea kreatif dan inovatif dalam pesekitaran pekerjaan;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dikalangan warga jabatan; dan
- iv. Menyebarkan hasil inovasi dan kreativiti yang boleh dijadikan amalan terbaik di peringkat jabatan.

² Sumber Wikipedia.



2.4 SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN

Syarat kelayakan calon bagi anugerah ini adalah seperti berikut :

- i. Pencalonan terbuka kepada semua warga JANM di bawah kategori kumpulan pengurusan dan professional (Gred 41 hingga 54), kumpulan sokongan 1 (Gred 17 hingga 40) dan kumpulan sokongan 2 (Gred 16 ke bawah) yang berkhidmat di Bahagian / Negeri / Cawangan JANM.
- ii. Ketua di peringkat Bahagian/JANM Negeri/JANM Cawangan hanya perlu menamakan seorang calon yang terbaik bagi setiap kategori.
- iii. Hasil inovasi dan kreativiti calon adalah yang pertama kali dicalonkan bagi anugerah ini.
- iv. Inovasi dan kreativiti dihasilkan dalam tempoh 1 Julai 2011 hingga 30 Jun 2012.

2.5 PENUBUHAN JAWATANKUASA PENCALONAN DI PERINGKAT BAHAGIAN/NEGERI/CAWANGAN JANM


- i. Setiap Bahagian/JANM Negeri/Cawangan JANM hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Calon (JPC) di peringkat masing-masing.
- ii. JPC melakukan tapisan bagi memastikan calon memenuhi syarat kelayakan pencalonan.
- iii. JPC hanya perlu menamakan seorang (1) orang calon yang terbaik bagi setiap kategori iaitu di bawah kategori Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 hingga 54), Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 hingga 40) dan Kumpulan Sokongan 2 (Gred 16 ke bawah).



2.6 KRITERIA PENILAIAN CALON

Kriteria penilaian calon dan nisbah pembahagian markah bagi Anugerah Pekerja Inovatif dan Kreatif adalah seperti berikut :

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah
Idea Markah Penuh : 25M	1. Kreativiti	25M
	a) Keaslian; atau	16 – 25
	b) Adaptasi	1 – 15
Hasil Inovasi (Output) Markah Penuh:30M	2. Tahap Pelaksanaan	20M
	a. Secara penuh (melepassi peringkat percubaan); atau	11 – 20
	b. Percubaan (di peringkat prototaip)	1 – 10
	3. <i>Replicability</i>	10M
	a. Boleh dilaksanakan terus dipelbagai tempat; atau	7 – 10
	b. Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.	1 – 6
Impak Inovasi (Outcome) Markah Penuh:40M	4. Efisien (Kecekapan)	20M
	a. Jimat Masa	1 – 5
	b. Jimat Kos	1 – 5
	c. Tingkatkan produktiviti	1 – 5
	d. Mudah digunakan (user friendly)	1 – 5




JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

	5. Signifikan	20M
	a. Tinggi (Impak kepada Perkhidmatan Awam); atau	16 – 20
	b. Sederhana (Impak kepada organisasi); atau	11 – 15
	c. Rendah (Impak kepada bahagian/seksyen/unit)	1 – 10
Pengiktirafan/Penghargaan Markah Penuh:5M	6. Penghargaan	5M
JUMLAH KESELURUHAN		100M

2.7 PANEL PENILAI

Kesemua pencalonan bagi kategori kumpulan pengurusan dan professional (Gred 41 hingga 54), kumpulan sokongan 1 (Gred 17 hingga 40) dan kumpulan sokongan 2 (Gred 16 ke bawah) akan dinilai oleh panel penilai bebas.



2.8 HADIAH PEMENANG

Hadiah pemenang adalah seperti berikut:


Kategori	Hadiah Wang Tunai
Pengurusan dan Professional (Gred 41 hingga 54)	i. Tempat Pertama : RM500 ii. Tempat Kedua : RM300 iii. Tempat Ketiga : RM200
Sokongan 1 (Gred 17 hingga 40)	i. Tempat Pertama : RM500 ii. Tempat Kedua : RM300 iii. Tempat Ketiga : RM200
Sokongan 2 (Gred 16 ke bawah)	i. Tempat Pertama : RM500 ii. Tempat Kedua : RM300 iii. Tempat Ketiga : RM200

*Semua pemenang akan turut menerima sijil penghargaan.

2.9 TATACARA PERMOHONAN

Permohonan pencalonan perlu menyempurnakan perkara berikut:

- i. Melengkapkan borang pencalonan seperti di Lampiran A.
- ii. Menyertakan tiga (3) salinan Lampiran A dan Lampiran B bagi setiap calon dengan dokumen sokongan jika ada bagi setiap individu yang dicalonkan mengikut kategori.
- iii. Mengisi senarai semak permohonan seperti di Lampiran C.



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

- iv. Mengemukakan Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C kepada sekretariat Anugerah Pekerja Inovatif dan Kreatif menggunakan alamat berikut:

Pengarah

Institut Perakaunan Negara

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Jalan 2 Sungai Lang

45100 Sabak Bernam

Selangor

(u.p.: Hezeri Bin Abd Rani)

No. Tel : Dr. Shahril Bin Baharim (03-32172104 / 019-3415811)

: Hezeri Bin Abd Rani (03-32172100 / 012-2727126)

: Khairani Bin Aidin (03-32172142 / 013-2099807)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAMPIRAN A

ANUGERAH PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF (APIK)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
TAHUN 2012

BORANG PENCALONAN

Sila tanda kategori pencalonan :

Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (*Gred 41 – Gred 54*)

Kumpulan Sokongan 1 (*Gred 17 – Gred 40*)

Kumpulan Sokongan 2 (*Gred 16 ke bawah*)

*Hanya seorang (1) calon bagi setiap kategori

MAKLUMAT CALON

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan / Gred : _____

Alamat Pejabat : _____

No. Tel. Pejabat : _____

No. Tel. Bimbit : _____

No. Fax : _____

E-mel : _____

SUMBANGAN INOVASI / KREATIVITI CALON

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Ringkasan Ciri-Ciri Inovasi Dan Bukti Yang Memenuhi Kriteria Berkenaan*
Idea <i>Markah Penuh:</i> 25M	1. Kreativiti	
	a) Keaslian; atau	
	b) Adaptasi	
Hasil Inovasi (Output) <i>Markah Penuh:</i> 30M	2. Tahap Pelaksanaan	
	a) Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau	
	b) Percubaan (diperingkat Prototaip)	
	3. Replicability	
	a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau	
	b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.	
Impak Inovasi (Outcome) <i>Markah Penuh:</i> 40M	4. Efisien (Kecekapan)	
	a) Jimat Masa	
	b) Jimat Kos	
	c) Tingkat Produktiviti d) Mudah Digunakan (user-friendly)	
	5. Signifikan	
	a) Tinggi (Impak kepada Perkhidmatan); atau	
	b) Sederhana (Impak kepada Organisasi); atau	
	c) Rendah (Impak kepada Bahagian / Seksyen / Unit)	

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Ringkasan Ciri-Ciri Inovasi Dan Bukti Yang Memenuhi Kriteria Berkenaan*
Pengiktirafan (Penghargaan) Markah Penuh : 5M	6. Pengiktirafan	

* Gunakan lampiran berasingan jika perlu dan kemukakan bukti-bukti dokumentasi jika ada.

PENGESAHAN KETUA AGENSI :

1. Saya mengesahkan bahawa penama di atas merupakan Pegawai / Kakitangan di Bahagian / Jabatan / Agensi ini.
2. Saya mengesahkan bahawa hasil inovasi dan kreatif ini adalah pertama kali dipertandingkan di dalam Jabatan Akauntan Negara Malaysia.


(Tandatangan Ketua Agensi)

(Cop Agensi)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :



**SENARAI SEMAK BAGI PENCALONAN
ANUGERAH PEKERJA INOVATIF DAN KREATIF (APIK) TAHUN 2012
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut telah dipatuhi dalam mengemukakan borang pencalonan APIK.

(Sila tandakan /)

Menyertakan tiga (3) salinan **Lampiran A** dan **Lampiran B** bagi setiap calon;

Hanya seorang (1) calon bagi setiap kategori ; dan

Melampirkan dokumen-dokumen sokongan. *(jika ada)*

Tarikh

Tandatangan

Nama :
Jawatan :
Cop Agensi :